

# Kehalalan makanan diberi keutamaan



**PEGAWAI Pelajaran, Dayang Zurina Salwa binti Haji Osman yang juga selaku Ketua Seksyen Perancangan dan Penyelidikan di Bahagian Kawalan Makanan Halal menjelaskan pada 26 Januari 2017, beberapa pindaan telah diwartakan, iaitu mewajibkan ke atas semua pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam untuk membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 Januari. - Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 diwartakan pada 28 Mei 2005 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008.

Perintah tersebut berkaitan dengan permohonan Sijil Halal dan Label (Permit) Halal serta kesalahan-kesalahan di bawah perintah berkenaan dan akta dan perintah itu secara tidak langsung merupakan satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kehalalan makanan di negara ini.

Sejak tahun 2008 hingga 2017, beberapa pindaan perintah ini telah dibuat, di antara pindaan yang telah diperkenankan pada tahun 2012 iaitu pindaan sah laku Sijil Halal dari setahun (BND30.00 setiap Sijil Halal) kepada tiga tahun (BND90.00 setiap Sijil Halal).

Dalam pendekatan Peltu Brunei bersama Pegawai Pelajaran, Dayang Zurina Salwa binti

Haji Osman yang juga selaku Ketua Seksyen Perancangan dan Penyelidikan di Bahagian Kawalan Makanan Halal menjelaskan pada 26 Januari 2017, beberapa pindaan telah diwartakan, iaitu mewajibkan ke atas semua pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam untuk membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal.

Dayang Zurina Salwa seterusnya menerangkan, peniaga makanan yang sudah beroperasi tetapi belum bersijil halal diberikan tempoh peralihan selama enam bulan selepas tarikh dikuatkuasakan untuk membuat permohonan, manakala bagi peniaga yang baru beroperasi perniagaan yang baru beroperasi diberikan masa enam bulan dari tarikh ia mula beroperasi untuk membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal.

Pindaan tersebut katanya, dikuatkuasakan pada 26 Mei 2017 di mana tempoh peralihan bagi peniaga makanan yang sudah beroperasi untuk membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal adalah pada 26 November 2017 yang lepas.

Pindaan Perintah Sijil Halal dan Label Halal (2017) memperkenalkan skop pensijilan halal secara sukarela kepada produk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan seperti restoran, gerai dan food court serta kilang pembeprosesan makanan atau minuman dan perusahaan produk makanan yang dierahkan.

Dasar Pindaan 2017 adalah

mewajibkan permohonan, iaitu

**' PENIAGA makanan yang sudah beroperasi tetapi belum bersijil halal diberikan tempoh peralihan selama enam bulan selepas tarikh dikuatkuasakan untuk membuat permohonan, manakala bagi peniaga yang baru beroperasi diberikan masa enam bulan dari tarikh ia mula beroperasi untuk membuat permohonan Sijil Halal atau Permit Halal.'**

Sijil Halal dan Permit Halal ke atas pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, meluaskan skop pensijilan halal (secara sukarela) kepada produk perubatan; kosmetik; gunaan dan perkhidmatan (logistik) di samping memberikan tempoh peralihan (*grace period*) bagi mendapatkan Sijil Halal dan Label Halal serta memperkenalkan pengesuaian bagi jenis-jenis perniagaan yang tertentu tertakluk kepada syarat-syarat untuk mendapat pengecualian Bab 49(B), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017 serta memperkenalkan dan menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompakna (*compoundable offences*).

Tambahnya, permohonan diwartakan kepada pengusaha makanan di Negara Brunei Darussalam, iaitu premis penyediaan makanan seperti restoran, gerai dan food court serta kilang pembeprosesan makanan atau minuman dan perusahaan produk makanan yang dierahkan.

Bayaran Sijil Halal adalah BDN90 untuk tempoh tiga tahun dan pada masa ini penetapan kadar bayaran baharu bagi Permit Halal sedang dalam proses pertimbangan. Tarikh bermula pengukuhan kadar baharu ini akan dimaklumkan kemudian setelah proses-proses tertentu disempurnakan.

## PBH bina kepimpinan belia masa depan

Slaran Akbar dan Foto : Dynamic Action Group



**YANG DI-PERTUA Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kumpulan Dynamic Action Group.**

**BANDAR SERI BEGAWAN.-**

Sabtu, 27 Januari - Seramai 30 Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti Program Belia Hebat (PBH) yang diadakan oleh Dynamic Action Group (DAG) berlangsung di Auditorium, UNISSA, di sini.

Tiga sesi utama dikenakan dalam program tersebut, iaitu Sesi Mengetahui Personaliti Diri (Know Your Personality), Sesi Pengucapan Awam (Public Speaking) dan Sesi Wawaasan Brunei 2035.

Antara tujuan program untuk menerapkan kemahiran kepimpinan, sekali gus mempersiapkan peserta dari aspek mental dan fizikal dalam menguruskan sesebuah organisasi.

Di samping itu, program berkenaan diharap dapat memberikan peluang kepada peserta untuk lebih mengenal kelebihan diri masing-masing dan seterusnya mampu untuk menggunakan mereka dengan cara yang lebih efektif.

PBH merupakan projek khidmat masyarakat yang diunggah oleh DAG yang terdiri daripada tujuh pegawai muda kerajaan yang berkelibar dari pelbagai kementerian dan jabatan yang pada ketika ini sedang mengikuti Program Ekskulitif Muda, Civil Service Leadership Pipeline di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

PBH itu merupakan kesinambungan program yang diadakan pada tahun lalu dan tercalon sebagai penerima Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2017.

Tahun ini, Siri PBH akan dilaratkan ke sekolah-sekolah menengah juga institusi-institusi pengajian tinggi.

DAG dalam usaha untuk berkongsi ilmu dan membantu para belia Brunei terutama dalam meningkatkan keupayaan juga potensi diri mereka untuk terus bergiat aktif mengadakan PBH pada masa akan datang.

## Penuntut diseru ceburi bidang keusahawanan

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 Januari. - Seramai 55 penuntut Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang dalam jurusan Kejururawatan berpeluang mendengarkan Taklimat Kejururawatan dan Keusahawanan yang berlangsung di salah sebuah restoran di Kampung Kiulap, di sini.

Taklimat Kejururawatan dan Keusahawanan itu disampaikan oleh Pakar Klinikal (Konsultan) dari Nursing and Entrepreneurship, Awang Noorhzany bin Abdul Sani.

Awang Noorhzany ketika ditemui menjelaskan, antara objektif dalam memberikan taklimat itu adalah untuk membuka minde para penuntut jurusan kejururawatan agar dapat berkecimpung dalam bidang keusahawanan sejurus selepas mereka lulus atau belum mencirina tarawih bekerja.

Menurutnya, beliau akan membimbing para penuntut tersebut melalui taklimat itu

dengan mengajarkan langkah pemulaan mereka dan kemahiran dalam keusahawanan yang berkaitan dengan jurusan mereka.

"Mereka semestinya tidak hanya bergantung kepada pekerjaan kejururawatan sahaja akan tetapi boleh menjadi apa sahaja seperti pakar undangan ke universiti-universiti, membuka pembekal perubatan sendiri dan sebagainya dan mereka ini hanya memerlukan pembelajaran dan kemahiran yang tepat," ujarnya.

Beliau seterusnya berharap agar para penuntut mula merancang untuk mencapai dan melihat apa yang mereka ingini untuk kepentingan masa hadapan mereka dan memikirkan apa yang perlu dilakukan setelah mereka lulus nanti.

**PAKAR Klinikal (Konsultan)** dari Nursing and Entrepreneurship, Awang Noorhzany bin Abdul Sani semasa menyampaikan Taklimat Kejururawatan dan Keusahawanan.

